

Sharon kecam kenyataan PM.

UM 21 OCT 2003

BAITULMAQDIS 20 Okt. — Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon hari ini mengecam kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Yahudi memerintah dunia, sebagai 'fitnah'.

Dalam ucapan pembukaan sesi Parlimen Israel, Sharon turut mengkritik reaksi pemimpin-pemimpin Islam yang mengulas kenyataan Dr. Mahathir semasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, minggu lalu.

"Hanya beberapa hari lalu kita mendengar kenyataan memfitnah oleh

Perdana Menteri Malaysia itu semasa OIC serta reaksi oleh negara-negara yang menyifatkan diri mereka lebih berpengetahuan," kata Sharon.

"Dunia Arab memerlukan lebih banyak masa terutama masyarakat Palestin untuk memahami bahawa keganasan dan ekstrimisme hanya menyebabkan mereka terjerumus dalam bencana yang tidak terkira."

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata: "Bangsa Eropah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi. Tetapi hari ini Yahudi memerintah dunia menerusi proksi." — AFP